

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## PELANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MINGGU KE LAPAN

1. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan ini ingin mengumumkan bahawa oleh kerana masih ada kekhawatiran mengenai bahaya jangkitan COVID-19 di negara kita, maka sesuai dengan Hukum Syara' seperti yang difatwakan dalam Fatwa Mufti Kerajaan bil. 02/2020 dan dengan mengambil kira nasihat Kementerian Kesihatan, penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang akan berakhir pada waktu 'Isya malam ini, 11 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 04 Mei 2020 Masehi adalah dilanjutkan selama 24 hari lagi mulai hari Selasa, 11 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 05 Mei 2020 Masehi hingga hari Khamis, 05 Syawal 1441 Hijrah bersamaan 28 Mei 2020 Masehi.
2. Ketetapan penutupan sementara ini dibuat dalam Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei Kali Ke-10 pada hari Sabtu, 08 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 02 Mei 2020 Masehi.
3. Dalam masa yang sama, Majlis Ugama Islam Brunei juga mempertimbangkan dan menetapkan dengan mengambil kira nasihat Kementerian Kesihatan dan keadaan semasa berhubung dengan wabak COVID-19 di negara kita adalah terkawal, maka dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan tertakluk juga kepada ketiadaan sebarang kecemasan yang mungkin berbangkit, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita mengumumkan bahawa masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat akan mula dibukakan bagi menunaikan

M.S: 1 - 3

sembahyang Fardhu Jumaat sahaja mulai pada hari Jumaat, 06 Syawal 1441 Hijrah bersamaan 29 Mei 2020 Masehi. Sementara sembahyang-sembahyang waktu yang lain adalah tertakluk kepada penilaian selanjutnya. Walau bagaimanapun ingin ditegaskan bahawa pembukaan masjid, surau dan balai ibadat adalah tertakluk kepada sebarang perkembangan mengenai wabak COVID-19 ini. Sama-samalah kita merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala supaya hajat murni kita untuk beribadat hanya kepada-Nya sambil mensyi'arkan Islam ugama suci pegangan hidup Raja dan majoriti rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini.

4. Ke arah persiapan itu, Jabatan Hal Ehwah Masjid dan Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei akan menyiarkan video khas "Panduan Sembahyang Berjemaah Di Masjid Bagi Membendung Penularan Wabak COVID-19" yang mengandungi tatacara dan panduan untuk orang ramai yang datang ke masjid.
5. Berhubung dengan pembayaran Zakat Fitrah dan Harta di bangunan-bangunan utama Kementerian-kementerian yang akan dijalankan oleh amil-amil dari kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwah Ugama ingin memaklumkan bahawa kutipan zakat tersebut akan dilaksanakan pada setiap hari Isnin dan hari Rabu bermula pada hari Rabu, 19 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 13 Mei 2020 Masehi mulai jam 11.30 pagi hingga 2.00 petang. Lokasi pembayaran Zakat Fitrah dan Harta di bangunan-bangunan utama Kementerian-kementerian tersebut adalah sepertimana yang akan ditetapkan oleh Kementerian-kementerian berkenaan dengan mematuhi aturan-aturan Kementerian Kesihatan.
6. Menyentuh mengenai sambutan memperingati Nuzul al-Quran pada tahun ini, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa sambutan peringkat negara yang

lazimnya dibuat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas adalah ditiadakan dan akan digantikan dengan Rancangan Khas Sempena Memperingati Nuzul al-Quran Tahun 1441 Hijrah secara rakaman yang akan disiarkan pada pagi hari Isnin, 17 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 11 Mei 2020 Masehi menerusi siaran Radio dan Televisyen Brunei.

7. Bagi menjelaskan beberapa pertanyaan orang ramai mengenai dengan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, sukacita dimaklumkan bahawa Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri adalah dibenarkan untuk dilaksanakan di kalangan keluarga di rumah masing-masing samada secara persendirian atau berjemaah sepertimana Sembahyang Tarawih dengan mengikut panduan dan nasihat Kementerian Kesihatan. Jika dilakukan secara berjemaah, maka sunat hukumnya untuk dibacakan khutbah. Oleh yang demikian, teks khutbah yang pendek dan ringkas akan disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Masjid.
8. Sekali lagi kita sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga usaha-usaha kita ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada-Nya dengan sama-sama kita mengamalkan sikap bertawakkal setelah berusaha. Sikap bertawakkal setelah berusaha adalah salah satu amalan orang-orang beriman sepertimana dalam ayat 51 surah at-Taubah :

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Mafhumnya: Katakanlah (wahai Nabi Muhammad kepada orang-orang munafiq itu): “Sesuatu pun sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang Allah telah tetapkan bagi kami. Dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal.

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR/Mei/01/2020

Tarikh: 10 Ramadhan 1441H bersamaan 04 Mei 2020M

M.S: 3 - 3